



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, Isnin 21 Oktober 2024.

Untuk Terbitan Media

21 Oktober 2024

## SIARAN MEDIA

### PUSAT REHABILITASI PERKESO WILAYAH TIMUR PERKASA KEBAJIKAN PEKERJA

**SETIU:** Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Wilayah Timur (PRPWT) berupaya menampung lonjakan keperluan perkhidmatan pemulihan, termasuk dari Pahang dan Kelantan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata perangkaan semasa menunjukkan 15 hingga 20 peratus daripada jumlah kes yang diterima di Pusat Rehabilitasi PERKESO ketika ini adalah dari zon Pantai Timur.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan bahawa penubuhan pusat rehabilitasi ketiga yang terbesar dan paling lengkap di Terengganu, selepas Melaka dan Perak adalah selari keperluan mendesak dalam kalangan masyarakat.

“Pusat rehabilitasi dengan anggaran kos pembinaan RM571.8 juta dan dijangka siap menjelang 2027 ini selaras aspirasi 3K KESUMA yang merangkumi pengukuhan kebajikan pekerja, peningkatan kemahiran serta keberhasilan pekerja,

“Pusat rehabilitasi ini boleh memuatkan 315 katil dengan pelbagai perkhidmatan rawatan ditawarkan seperti rehabilitasi perubatan yang meliputi Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics dan rawatan terapi inovatif seperti *Thalassotherapy* iaitu terapi pertama seumpamanya di Malaysia yang menggunakan elemen penyembuhan air laut.

“Malah, rawatan berteraskan kaedah *Hippotherapy* yang menggunakan kuda sebagai instrumen untuk membantu pemulihan fizikal, mental, dan kognitif pesakit juga disediakan,” katanya pada ucaptama sempena Majlis Pecah Tanah PRPWT, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Perpaduan Nasional Negeri Terengganu, Maliaman Kassim; Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof; Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed serta Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Datuk Dr. Hafez Hussain.

Mengulas lanjut, Steven Sim berkata, PRPW&T mampu merancakkan pasaran buruh menerusi penjanaan 200 peluang pekerjaan untuk berkhidmat di pusat rehabilitasi di negeri berkenaan, selain program latihan pemulihan vokasional yang disesuaikan dengan keperluan sosioekonomi rakyat Terengganu.

Jelasnya, ia antara lain merangkumi latihan seni tradisional seperti pembuatan tembaga, pembinaan bot dan kapal tradisional, batik, ukiran kayu, serta seni kraftangan.

“Usaha ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan warisan tempatan dan memberi peluang pekerjaan yang stabil kepada golongan muda.

“Selain itu, modul inklusif disediakan untuk golongan orang kurang upaya, dengan semua program latihan direka berdasarkan penilaian kapasiti fungsi individu, penyesuaian tempat kerja, dan piawaian keselamatan yang ketat demi memastikan tahap kebolehpasaran buruh yang tinggi setelah selesai program pemulihan.

“Sehubungan itu, pembinaan pusat ini diyakini mampu memberi impak positif kepada ekonomi dan pembangunan sosial Terengganu, selaras Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 dan Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030, serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI,” katanya.

## Tamat

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**21 Oktober 2024**  
**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**